

TARIKH	27 / 09 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	12	RUANGAN	Supplement

Liputan haji terus dari Tanah Suci

IKIMfm menghantar penerbitnya untuk berita dan laporan semasa dua rancangan khas sempena musim haji tahun ini



Peristiwa

Oleh SITI AINIZA KAMSARI

Gambar MOHD. HAFIZUDDIN RAMLI

PERKEMBANGAN teknologi media hari ini dapat mendekatkan yang jauh, seterusnya membuka peluang mengikuti secara langsung perkembangan berita dan isu-isu semasa dari luar negara, lebih-lebih lagi yang berkaitan umat Islam.

Maka tidak perlu ada sebarang kerisauan atau kebimbangan bagi rakyat Malaysia untuk mendapatkan perkembangan terkini ibadat haji dan perjalanan jemaah, khususnya dari Malaysia.

Stesen radio milik Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), iaitu Radio IKIMfm akan membawakan laporan semasa sepanjang berlangsungnya ibadah haji di Mekah dan Madinah terus kepada pendengar setiap hari dari bermulanya ibadat haji sehingga selesai pada 26 Oktober ini.

Para pendengar boleh mengikutinya dalam bentuk berita dan laporan semasa melalui dua rancangan khas di Radio IKIMfm.

Yang pertama ialah *Laporan Haji* yang disiarkan dalam Buletin IKIMfm setiap hari dari Isnin hingga Jumaat, pukul 12 tengah hari yang dikendalikan oleh penerbit dan wartawan Radio IKIMfm yang kini telah berada di Tanah Suci Mekah, iaitu Mahathir Shaharudin yang juga merupakan Pengurus Rancangan Radio IKIMfm.

Laporan kedua ialah *Debaran Mabru* iaitu satu program berbentuk tazkirah ringkas dan bimbingan haji untuk dihayati dan difahami oleh para

pendengar yang dikendalikan Pembimbing Haji dari Tabung Haji Malaysia, Mohd. Hasnil Abu Bakar.

Ia juga disiarkan setiap hari dari Isnin hingga Jumaat selama 10 minit bermula 12.15 tengah hari.

Menurut Mahathir, tugas beliau bagi melaporkan berita dan laporan dari Tanah Suci merupakan satu pengalaman bertugas yang sangat berharga, lebih-lebih lagi ini pertama kali dia menjelaskan kaki ke Tanah Suci.

"Saya sangat berharap agar para pendengar di tanah air sedia mengikuti laporan musim haji daripada saya.

"Ini kerana ia mungkin mampu meningkatkan keinginan dan 'seruan' kepada mereka pula untuk ke Tanah Suci untuk melakukan ibadat umrah mahupun haji.

"Lebih-lebih lagi dalam usia yang masih muda, sihat dan bertenaga, umat Islam sangat digalakkan untuk beribadat ke sana kerana umrah dan haji terlalu banyak kelebihan dan keistimewaan yang tidak seharusnya dilepaskan," katanya yang ditemui selepas sidang akhbarnya di IKIM, baru-baru ini.

Walaupun bakal berhadapan dengan pelbagai cabaran semasa bertugas namun Mahathir percaya dengan kerjasama Lembaga Tabung Haji, tugas itu akan dapat dijayakan dan bakal mendapat sambutan dari para pendengar.

Antara lain beliau akan melaporkan perkembangan perjalanan jemaah haji negara selain akan menemuramah tokoh-tokoh, para jemaah dan petugas

haji yang berada di Tanah Suci.

Kedua-dua rancangan khas sempena musim haji itu merupakan kali kedua disiarkan di IKIMfm.

Selain mendapat kerjasama daripada Tabung Haji Malaysia, siaran radio itu juga mendapat tajaan daripada Ar Rahnu Exchange.

Walaupun bakal berhadapan dengan pelbagai cabaran semasa bertugas namun Mahathir percaya bahawa dengan kerjasama Lembaga Tabung Haji



MAHATHIR SHAHARUDIN



MOHD. HASNIL ABU BAKAR

TARIKH	27 / 09 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	12	RUANGAN	Supplement



KERJASAMA... (dari kiri) Pengurus Besar Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan Tabung Haji Malaysia, Anis Zuhani Ahmad, Mahathir Shaharuddin; Pengarah Radio IKIM, Nik Roskiman Abdul Samad dan Pengurus Besar, Rakyat Management Services Sdn. Bhd., Mohamad Sabri Mohamed Nor pada sidang akhbar di Kuala Lumpur baru-baru ini.